

16 OCT 1996

Parlimen-Mahathir (Rasuah)

PARTI YANG MINTA WANG DARIPADA RAKYAT DIANGGAP RASUAH

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti politik yang meminta duit daripada rakyat dianggap telah mengamalkan perbuatan rasuah dan kerajaan akan mengawasi kegiatan seumpama itu pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata kerajaan memang berhasrat menghapuskan politik wang pada pilihan raya umum tetapi didapati semua parti politik membelanjakan wang yang banyak dalam pilihan raya.

"Sesetengahnya minta duit daripada orang ramai tetapi tidak pernah mahu menunjukkan kepada rakyat ke mana perginya duit yang dikutip itu dan ini satu bentuk rasuah.

"Kita akan awasi amalan itu sama ada pungutan duit itu dibuat atas nama agama atau perkara lain," katanya semasa menjawab soalan tambahan Haji Wan Mohamad Jamin Wan Mahmood (Pas-Tumpat) pada persidnagan Dewan Rakyat hari ini.

Apabila ditemui pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata menggunakan tekanan keagamaan untuk mendapatkan wang memang salah daripada segi moral walaupun daripaad segi undang-undang ia tidak salah.

Katanya, kerajaan sememangnya mencegah politik wang termasuk yang membabitkan parti pembangkang semasa pilihan raya umum.

Bagaimanapun, katanya, semasa pilihan raya ada pihak menggunakan wang untuk tujuan berkempen dengan mencetak risalah, manifesto dan menganjuran rapat umum dan ceramah dan semua ini memerlukan wang.

"Jadi kita tak boleh tahan mereka melainkan kita kata mereka tidak boleh berkempen seperti dalam (pemilihan) UMNO, nanti orang kata kita tidak demokratik," katanya.

"Saya tidak mencadangkan supaya amalan berkempen diharamkan dalam pilihan raya umum seperti UMNO. Mereka boleh kempen, biarkanlah," katanya.

Apabila ditanya mengenai keputusan pilihan raya umum lepas, beliau berkata beliau tidak tahu siapa yang terbabit kerana mungkin "yang menang tak semestinya bersih dan yang kalah tak semestinya kotor."

Dr Mahathir berkata, rasuah mempunyai banyak bentuk dan penyalahgunaan sesuatu juga dianggap salah dan ini termasuk dalam amalan agama.

"Kalau ada laporan kita akan gunakan BPR," katanya.

Apabila ditanya mengenai anggota UMNO membuat aduan tentang politik wang kepada BPR, beliau berkata: "Terpulang kepada anggota untuk membuat aduan kepada BPR...itu soal dia tetapi tak boleh pergi ke mahkamah."

Katanya, sebagai anggota parti mereka boleh pergi kepada BPR tetapi mereka tidak boleh pergi ke mahkamah kerana itu menyalahi undang-undang parti. -- BERNAMA

ARA HS NMO